



24 Disember 2012
24 December 2012
P.U. (A) 462

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERKONGSIAN LIABILITI
TERHAD 2012

LIMITED LIABILITY PARTNERSHIPS REGULATIONS 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012

PERATURAN-PERATURAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Borang
4. Fi dan penalti pentadbiran

BAHAGIAN II

PENYERAHSIMPANAN DOKUMEN

5. Penyerahsimpanan dokumen
6. Obligasi pegawai pematuhan
7. Masa untuk penyerahsimpanan dokumen
8. Maklumat atau dokumen tambahan
9. Terjemahan

BAHAGIAN III

AM

10. Afidavit dan akuan berkanun
11. Rayuan kepada Menteri
12. Maklumat yang diperakukan oleh Pendaftar

JADUAL

AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012

PERATURAN-PERATURAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 91 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan sebagai **Peraturan-Peraturan Perkongsian Liabiliti Terhad 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 26 Disember 2012.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “sistem pemfailan elektronik” ertinya sistem pemfailan elektronik yang disediakan oleh Pendaftar bagi maksud penyerahsimpanan dokumen di bawah Akta.

Borang

3. Apa-apa permohonan atau penyerahsimpanan di bawah Akta hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam borang yang disediakan oleh Pendaftar dalam sistem pemfailan elektronik dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan, jika terpakai.

Fi dan penalti pentadbiran

4. (1) Fi yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah dibayar kepada Pendaftar mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh Pendaftar.

(2) Fi berkenaan dengan penyerahsimpanan dokumen mengikut peraturan 3 hendaklah dibayar pada masa dokumen diserahkan, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Pendaftar.

(3) Apa-apa kegagalan untuk membayar fi yang disebut dalam subperaturan (3) akan menyebabkan penyerahsimpanan menjadi batal.

(4) Jika mana-mana orang tidak mematuhi had masa yang dinyatakan dalam Akta bagi penyerahsimpanan dokumen, Pendaftar boleh mengenakan penalti pentadbiran menurut perenggan 78(2)(b) Akta.

(5) Fi berkenaan dengan penarikan balik apa-apa permohonan atau rayuan yang dibuat di bawah Akta tidak boleh dibayar balik.

BAHAGIAN II PENYERAHSIMPANAN DOKUMEN

Penyerahsimpanan dokumen

5. (1) Borang yang disediakan oleh Pendaftar dalam sistem pemfailan elektronik menurut peraturan 3 hendaklah dilengkapi dan diserahkan mengikut arahan sebagaimana yang dinyatakan dalam borang atau sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(2) Jika penyerahsimpanan apa-apa dokumen menggunakan sistem pemfailan elektronik adalah tidak praktik atau tidak mungkin, Pendaftar boleh membenarkan dokumen itu diserahkan mengikut cara lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Pendaftar boleh mengeluarkan borang lain sebagaimana yang difikirkannya patut bagi maksud Akta.